

Dari famili susah, mara ke NUS, raih KELAS PERTAMA

Nur Syafiqah cemerlang bidang kimia

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

DAHULU, niat Cik Nur Syafiqah Mazlan membeli alat hawa dingin buat keluarganya sekadar angan-angan.

Kini, gadis 23 tahun yang bakal menerima ijazah dengan kepujian kelas pertama Jumaat ini tanda tamat pengajian dalam jurusan kimia di Universiti Nasional Singapura (NUS) rasa lebih dekat mencapai impian menghadiahkan alat hawa dingin buat keluarganya.

“Alat hawa dingin mungkin sesuatu yang biasa bagi ramai keluarga Singapura. Dahulu, ia satu mimpi sahaja bagi saya, tetapi saya telah berikan yang terbaik selama ini dan saya tahu saya akan mencapai cita-cita saya itu,” kata

Cik Nur Syafiqah yang merancang melanjutkan pengajiannya ke peringkat doktor falsafah (PhD).

Tekad anak sulung daripada tiga beradik itu bagi mengharumkan nama keluarga juga terdorong bersama niat murni memberi keluarganya kehidupan lebih selesa.


Bapanya bekerja sebagai tukang masak di kem tentera dan membawa pulang sekitar \$2,000 sebulan sementara ibunya mengambil upah menggosok baju tiga kali seminggu. Beliau juga menerima subsidi 100 peratus di bawah skim Subsidi Yuran Tuisyen Pengajian Tinggi (TTFS) untuk menampung pengajiannya.

“Memandangkan saya dapat subsidi ini, saya fikir saya harus memanfaatkannya sepenuhnya.

“Selepas ini saya juga nak sumbang semula kepada masyarakat Melayu/Islam di sini. Biasanya ada tangga-

pan yang anak Melayu tak cukup bagus dalam matematik dan sains tetapi ia tidak seteruk yang mereka fikirkan dan saya nak bantu pelajar Melayu dalam bidang ini,” ujarnya.

Cik Nur Syafiqah adalah antara sebilangan mahasiswa Melayu NUS yang lulus dengan ijazah kelas pertama. Mereka menerima ijazah mereka itu dalam majlis konvokesyen yang bakal berlangsung sehingga 14 Julai.



MAHU MEMBERI KELUARGA KEHIDUPAN LEBIH SELESA: Cik Nur Syafiqah merancang melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah dan berniat memberi keluarganya kehidupan lebih selesa. – Foto KHALID BABA

Menurut Cik Nur Syafiqah yang tinggal di flat empat bilik di Tampines bersama keluarganya, disiplin dan pengurusan masa yang baik merupakan faktor penting yang menyumbang kejayaannya. Ini lebih-lebih lagi kerana beliau menghabiskan masa sejam setengah untuk ke NUS dan sejam setengah lagi untuk pulang ke rumah setiap hari selama empat tahun lalu.

Beliau juga terpaksa bangun tidur seawal 5.30 pagi untuk ke kelas pada waktu pagi dan kadangkala hanya pulang ke rumah sekitar 8 malam.

Beliau dan adik perempuannya yang berusia 19 tahun juga harus bergilir-gilir menjaga adik lelaki mereka yang berusia 15 tahun dan autistik apabila ibu bapanya bekerja atau mempunyai urusan di luar.

“Kalau saya sampai rumah 8 atau 9 malam, memanglah penat dan tak boleh buat apa-apa lagi, tetapi pengurusan masa penting sekali dan saya cuba menghabiskan semua tugas saya pada hujung minggu,” kata Cik Nur Syafiqah.

4 raih kelas pertama

Muka 6



8 887181 520006

MAJLIS KONVOKESYEN NUS

Lulusan kelas pertama di NUS



Foto KHALID BABA

Sepadukan geografi dengan kerjaya polis

ORANG ramai biasanya mengaitkan geografi dengan pengajian tentang tanah, landskap dan cuaca, namun bagi Encik Muhammad Mohamed Farid (*gambar*), ia lebih daripada itu.

Malah, penerima biasiswa Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA) (Pasukan Polis Singapura, SPF) berusia 24 tahun itu yakin apa yang dipelajarinya akan membantunya membuat keputusan lebih baik dalam kerjayanya sebagai pegawai polis selepas ini. "Sebenarnya semuanya yang kita lihat, daripada landskap kepada struktur masyarakat, melibatkan geografi. Geografi juga mempunyai peranan dalam isu sosio budaya.

"Ini penting dalam kerjaya polis kerana pegawai itu boleh menggunakan pengetahuan itu bagi menghasilkan dasar yang genting," kata Encik Muhammad yang akan menerima ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian kelas pertama dalam jurusan ilmu alam di majlis konvokesyen Universiti Nasional Singapura (NUS) Selasa depan.

Beliau yang meraih markah purata 4.91 mata daripada markah penuh 5 mata juga dimasukkan dalam Senarai Dekan, anugerah yang diberi kepada 5 peratus pelajar terbaik setiap kohort setiap tahun sejak mengikuti pengajian di NUS.

Namun menurut anak pasangan pegawai keselamatan dan pegawai penempatan di sebuah syarikat penerbangan itu, meskipun beliau tidak pernah menetapkan sasaran memasuki Senarai Dekan itu setiap tahun, matlamatnya di NUS ialah menggenggam ijazah dengan kepujian kelas pertama.

"Saya percaya kalau saya mahu sesuatu dan saya bekerja keras untuknya, saya boleh mendapatkannya. "Meskipun saya gembira dapat mencapai kejayaan ini, saya sedar ini hanya satu langkah yang kecil bagi saya.

"Matlamat saya ialah menggunakan segala keupayaan atau bakat saya untuk menyumbang semula kepada masyarakat dan membantu orang lain," ujar Encik Muhammad.



CEMERLANG: Cik Nur Syafiqah Mazlan, Cik Siti Nur Diyanah Hardy dan Encik Muhammad Mohamed Farid. – Foto KHALID BABA

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

EMPAT anak Melayu/Islam muncul sebagai antara lulusan cemerlang Universiti Nasional Singapura (NUS) tahun ini.

Masing-masing dapat merasakan nikmat hasil kerja keras mereka selama empat tahun lalu dalam bentuk segulung ijazah dengan Kepujian kelas pertama di majlis konvokesyen NUS yang berlangsung dari semalam hingga 14 Julai.

Sebanyak 23 upacara di Pusat Budaya Universiti (UCC) NUS akan diadakan sepanjang tempoh itu.

Cik Siti Nur Diyanah Hardy, 23 tahun; Encik Muhammad Mohamed Farid, 24 tahun; Cik Nur Syafiqah Mazlan, 23 tahun; dan Encik Muhammad Fahmi Hamzah, 25 tahun – lulus dengan kepujian dalam pelbagai jurusan termasuk kerja sosial, ilmu alam, kimia dan pentadbiran perniagaan.

Encik Muhammad, penerima biasiswa Kementerian Ehwat Dalam Negeri (MHA) (Pasukan Polis Singapura) misalnya menerima ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian kelas pertama dan merupakan antara pelajar ter-



ENCIK MUHAMMAD FAHMI: Meraih Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian kelas pertama.

baik kohortnya bagi jurusan ilmu alam di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) NUS.

Beliau meraih markah purata 4.91 mata daripada markah penuh 5 mata.

Cik Siti Nur Diyanah pula, bekas pelajar Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, menempa sejarah sebagai anak Melayu pertama yang lulus dengan ijazah kelas pertama dalam jurusan kerja sosial daripada NUS.

Dua lagi mahasiswa cemerlang ialah Encik Muhammad Fahmi Hamzah yang meraih ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian kelas pertama dan mahasiswa Fakulti Sains, Cik Nur Syafiqah Mazlan, yang meraih ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian kelas pertama dalam jurusan kimia.

Majlis konvokesyen sembilan hari itu meraikan pencapaian 6,316 graduan yang menerima ijazah sarjana muda dan 3,903 yang menerima ijazah sarjana.

Tahun ini, NUS turut menyambut ulang tahunnya yang ke-110 bersama ulang tahun Singapura yang ke-50.

Sekolah Perniagaan NUS turut menyambut ulang tahunnya yang ke-50 tahun ini.

Presiden Tony Tan Keng Yam yang juga Canselor NUS merasmikan majlis konvokesyen utama NUS tahun ini semalam.



Foto M.O. SALLEH

Pernah kurang diyakini sebab 'baby face'

DENGAN berwajah kebudak-budakan atau *babyface*, tubuh yang kecil dan nada suara yang tinggi, Encik Muhammad Fahmi Hamzah (*gambar*) sering sukar meyakinkan orang.

Ini juga membuat beliau susah diterima teman menyertai kumpulan bagi projek sekolah sejak tahun pertamanya menuntut di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Namun, rintangan yang dihadapi anak muda berusia 25 tahun itu empat tahun lalu membuatnya lebih terdorong bekerja keras demi mencapai kejayaan.

"Saya tak biasa dengan layanan sedemikian ketika itu tetapi saya bersyukur ia berlaku kerana saya menjadi lebih bersungguh-sungguh mahu bekerja keras dan membuktikan bahawa saya juga boleh mencapai kejayaan," kata Encik Fahmi.

Berkat kegigihannya dan sikap tidak kenal erti mengalah, beliau akhirnya menikmati usahanya dalam bentuk ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian kelas pertama di majlis konvokesyen NUS hari ini.

Menurut Encik Fahmi yang berjaya mendapatkan pekerjaan sebelum tamat pengajian, beliau dan pelajar lain di Sekolah Perniagaan NUS sering digalakkan keluar daripada zon selesa mereka dan beliau sendiri berpeluang menimba pengalaman dan pengetahuan di luar empat tembok bilik darjah.

Semasa di tahun ketiga dan keempat, beliau menyertai sembilan pertandingan perniagaan termasuk di Amerika Syarikat, Canada, Denmark, Serbia, Hongkong dan Thailand. Kumpulannya menang tiga daripada pertandingan itu.

"Profesor saya tidak begitu gembira apabila saya tidak ke kelas dan ibu bapa saya pula mula bertanya sama ada saya sertai pertandingan itu kerana nak percutian percuma," katanya berseloroh.

Namun, Encik Fahmi berkata mereka tetap memberi sokongan dan beliau berjaya meyakinkan mereka dengan bekerja keras dan menggandakan usaha itu dalam bilik darjah apabila beliau pulang ke sini.

Menerusi pertandingan itu juga, Encik Fahmi berkata beliau bukan sahaja dapat belajar menyelesaikan masalah malah meraih kemahiran menjadi pemimpin dan anggota kumpulan lebih baik.

Beliau yang akan mula bekerja sebagai pakar analisis perniagaan di firma perunding cara A.T. Kearney selepas Hari Raya juga merancang menyumbang semula kepada masyarakat Melayu/Islam setempat khususnya dalam bidang perbahasan yang diceburinya sejak di sekolah menengah.